

**STRATEGI PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN DI PUSAT PEMBELAJARAN**

NAMA PUSAT : INNOVATION CENTRE

FUNGSI : BLOK & PUZZLE

TAJUK : SISTEM SIRAMAN DIY

BIL.	PERKARA	CATATAN	
1	STANDARD KANDUNGAN	MA 6.3	Membuat pelbagai binaan mengikut kreativiti.
2	STANDARD PEMBELAJARAN	MA 6.3.4	Membuat pelbagai binaan yang kukuh dan stabil menggunakan pelbagai bahan mengikut kreativiti.
		FK 1.1.2	Menunjukkan koordinasi mata dan tangan dan kemahiran motor halus melalui pelbagai aktiviti.
		FK 1.1.3	Menggunakan kemahiran motor halus melalui aktiviti yang melibatkan alatan.
3	STREAM	S	Berkongsi idea mengenai sistem pengairan daripada botol.
		T	Gunting, skru, penukul.
		R	Mengamalkan sikap toleransi dan bekerjasama dalam pergaulan.
		E	Membuat reka bentuk sistem pengairan
		A	Menyusun botol mengikut kreativiti untuk menjadi system siraman <i>diy</i> .
		M	Membilang jumlah botol yang digunakan untuk membuat sistem pengairan
4	OBJEKTIF	Pada akhir pembelajaran, murid dapat menghasilkan sistem pengairan menggunakan botol plastik.	
5	BBM	Botol, skru, gunting, penukul, kayu, reben, manik, gam uhu, sticker, kayu kambir.	
6	NILAI MURNI	Bekerjasama, bertolak ansur, berani, berdikari dan sabar.	

STRATEGI PELAKSANAAN

1. Kanak-kanak berada di pusat pembelajaran.
2. Guru menayangkan video tentang mengenai cara-cara menghasilkan sistem pengairan daripada botol serta penggunaannya di kebun
(<https://youtu.be/1qeTXrj4qqE> : Minit 0.00 - 0.47)

3. Guru bersoal jawab dengan kanak-kanak tentang video yang ditonton.

Contoh : Apakah kepentingan air kepada tumbuhan?
 Bagaimanakah tumbuhan menyerap air?
 Apakah yang terjadi sekiranya pokok tidak disiram?

4. Guru menunjukkan demonstrasi cara membuat sistem pengairan daripada botol.
5. Kanak-kanak dibahagikan kepada kumpulan kecil dan setiap kumpulan mengambil peralatan yang akan digunakan.
6. Penutup botol ditebuk menggunakan skru untuk membuat lubang.
7. Bahagian bawah botol juga dipotong separuh.
8. Dua batang kayu diletakkan di kiri dan kanan botol sebagai penyokong.
9. Kanak-kanak melekatkan nama kanak-kanak, nombor dan sukatan air (ml) pada botol yang dihasilkan dan menghias botol mengikut kreativiti.
10. Kanak-kanak membuat demonstrasi penggunaan botol siraman di pokok.
11. Kanak-kanak menyusun botol mengikut urutan nombor dan membilanginya.
12. Kanak-kanak digalakkan untuk menceritakan aktiviti yang telah dijalankan.
13. Setiap hasil kerja dipamerkan di dalam kelas.

Nota:

Kanak-kanak perlu berhati-hati semasa menggunakan peralatan tajam.